



Taman Laut Pulau Christmas



Australian Government
Director of National Parks




**Australian
Marine Parks**



Taman Laut Pulau Christmas


Pulau Christmas naik dengan curam daripada perairan tropika Lautan Hindi yang dalam di sekelilingnya kepada ketinggian 361 meter. Pulau ini sering digelar suatu keajaiban semula jadi disebabkan persekitarannya yang menawan dan penting, antara lainnya merangkumi hutan hujan, laut biru yang jernih serta habitat dan spesies laut dan darat yang penting dari segi pemuliharaan antarabangsa.

Komuniti Pulau Christmas, yang terletak kira-kira 2600 kilometer ke barat laut Perth, adalah antara yang paling terpencil di Australia. Lautan menjadi tumpuan kehidupan bagi banyak anggota komuniti, termasuklah yang berketurunan Melayu dan Cina, yang memelihara tradisi dan hubungan kebudayaan dengan persekitaran laut di sekeliling.




Taman Laut Pulau Christmas

Pada tahun 2022, Taman Laut Pulau Christmas ditubuhkan oleh Kerajaan Australia di bawah Akta Perlindungan Alam Sekitar dan Pemuliharaan Kepelbagaian Hidupan (EPBC). Inilah salah satu daripada 60 Taman Laut Australia yang diuruskan oleh Pengarah Taman Negara Komanwel. Semua taman ini membentuk bahagian penting Sistem Perwakilan Kebangsaan Australia bagi Kawasan Laut Yang Terlindung. Sistem ini meliputi dan melindungi 45% daripada perairan Australia, dengan itu menjadikannya salah satu rangkaian taman laut yang terbesar di dunia.



Australian Marine Parks



Nilai Taman Laut Pulau Christmas

Kepentingan sosial dan ekonomi

Taman Laut Pulau Christmas telah direka bersama-sama dengan komuniti tempatan kerana persekitaran laut ini penting atas pelbagai sebab sosial, kebudayaan dan ekonomi. Perairan tropika yang jernih dan suam di taman ini dipentingkan oleh komuniti di sini untuk melakukan aktiviti komersial, rekreasi dan penangkapan ikan sebagai saraan hidup, serta aktiviti-aktiviti lain seperti menaiki bot, menyelam dan mensnorkel. Kawasan ini juga berjaya menarik ramai pengunjung, yang berperanan menyokong dan menggalakkan industri pelancongan tempatan. Selain itu, persekitaran laut yang unik di Pulau Christmas bermaksud terdapat kemungkinan bertambahnya kajian saintifik dan aktiviti pendidikan di sini.


Kepentingan dari segi pemuliharaan

Taman Laut Pulau Christmas penting dari segi pemuliharaan antarabangsa kerana kawasan ini melindungi ciri-ciri lautan dan dasar laut seluas 277,016 kilometer persegi. Tempat ini menjadi habitat pelbagai spesies yang unik, berhijrah dan terancam di kawasan dunia yang semakin banyak menghadapi tekanan persekitaran. Taman laut yang terletak bersebelahan Taman Negara Pulau Christmas ini menghubungkan dan menambahkan perlindungan merentasi darat dan air untuk spesies seumpama burung laut yang memerlukan kedua-dua jenis persekitaran demi kemandiriannya.

Perairan tropika dan terumbu karang pinggir yang mengelilingi Pulau Christmas mengandungi campuran spesies terumbu karang daripada Lautan Hindi dan Pasifik. Selain itu, lebih daripada 680 spesies ikan telah dicatatkan di kawasan ini. Perairan yang bertindan ini didiami pelbagai ikan laut jenis kacukan serta spesies endemik yang tidak ditemui di mana-mana tempat lain di dunia. Pulau Christmas juga mempunyai ketam laut yang paling beraneka dan paling banyak di dunia, dan yang paling istimewa ialah ketam merah yang terkenal. Perairan di pulau ini penting bagi ketam-ketam ini kerana ketam berhijrah ke pantai untuk membiak dan melepaskan telur ke dalam laut. Antara habitat laut pesisir lain yang penting ialah sistem gua yang menyokong pelbagai spesies yang sangat berbeza.

Perairan luar pesisir dan habitat di Taman Laut Pulau Christmas kurang dikaji secara bandingannya. Walau bagaimanapun, kami tahu bahawa tempat-tempat ini mempunyai pelbagai ciri dasar laut, habitat dan spesies yang unik, khususnya gunung dasar laut dan dataran laut dalam. Kawasan-kawasan laut yang lain juga dianggap penting dari segi biologi. Antaranya ialah kawasan yang menyediakan makanan untuk burung endemik angsa batu Christmas (Abbott's Booby), burung simpang Pulau Christmas (Frigatebird) dan bosun emas, serta burung-burung laut lain yang bersarang di Pulau Christmas di samping kawasan ikan yu paus mencari makan dan habitat pembiakan ikan tuna sirip biru selatan. Taman laut ini juga melindungi spesies seperti ikan lumba-lumba, ikan laut dalam dan ikan yu yang terancam atau mungkin terancam di tempat-tempat lain di kawasan yang sama.





Tujuan dan keutamaan pengurusan

Tujuan menubuhkan Taman Laut Pulau Christmas adalah untuk:

- melindungi dan memelihara kepelbagaian hidupan serta nilai-nilai semula jadi, kebudayaan dan warisan yang lain.
- membolehkan penggunaan yang mampu bertahan dari segi ekologi dan yang memberikan kesan sosial dan ekonomi yang positif.

Antara keutamaan menguruskan Taman Laut Pulau Christmas ialah:

- berganding bahu dengan komuniti, saintis, industri dan pihak-pihak lain untuk menyediakan rancangan pengurusan 10 tahun.
- melindungi, menguruskan dan memantau persekitaran semula jadi taman laut ini, yang merangkumi usaha sama dengan komuniti untuk melaksanakannya.
- menyampaikan dan menggalakkan pemahaman dan penghargaan yang lebih mendalam terhadap taman laut ini oleh komuniti dan pengunjung.
- menyokong penggunaan taman laut ini secara bertahan oleh komuniti dan pelancong, antara lainnya melalui pengalaman pelancongan semula jadi dan kebudayaan yang berkualiti tinggi dan selamat.
- menambahkan pengetahuan dan pemahaman saintifik mengenai persekitaran semula jadi taman laut ini, di perairan pesisir dan luar pesisir.

Lokasi dan penentuan zon Taman Laut Pulau Christmas

Taman Laut Pulau Christmas meliputi kawasan seluas 277,016 kilometer persegi dan menganjur dari pinggir laut pulau ini ke batas Zon Ekonomi Eksklusif Australia (AEEZ) kira-kira 200 batu nautika dari pantai (kecuali kawasan ke utara Pulau Christmas).

Perairan luar pesisir taman ini (bermula dari 12 batu nautika dari pantai ke batas AEZZ) ialah zon hijau (Zon Taman Negara) yang tidak membenarkan aktiviti pengambilan seperti menangkap ikan dan melombong.



Perairan pesisir taman laut ini ialah zon kuning (Zon Perlindungan Habitat) yang membenarkan penangkapan ikan tetapi tidak membenarkan aktiviti yang mengganggu dasar laut (seperti melombong atau mengorek). Taman laut ini terletak bersebelahan sempadan laut Taman Negara Pulau Christmas yang menganjur 50 meter ke arah laut dari pulau. Hampir seluruh pelabuhan pulau ini dikecualikan daripada taman laut kecuali suatu kawasan pelabuhan yang sangat kecil dan sempit di sempadan baratnya.

Taman Laut Pulau Christmas

- Penentuan zon**
- Zon Taman Negara (II IUCN)
 - Zon Perlindungan Habitat (IV IUCN)

- Kawasan-kawasan lain**
- Pelabuhan Pulau Christmas
 - Taman Laut Pulau Christmas

- Sempadan laut**
- Batas zon ekonomi eksklusif Australia
 - Batas Laut Wilayah (kira-kira 12 batu nautika)




Penilaian:
Sempadan taman laut yang ditunjukkan pada peta ialah suatu kawasan yang sempadan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pengisytiharan Perlindungan Fisheries dan Perikanan dalam Keperluan Hidupan (Taman Laut Wilayah Lautan Hindi) 2022.

Sumber data:
DAWE (2022): Taman Laut Australia di Wilayah Lautan Hindi
DAWE (2021): Sempadan Pelabuhan Pulau Christmas (diwujudkan daripada sempadan Pelabuhan Pulau Christmas sebagaimana yang ditunjukkan dalam *Notis Pengisytiharan Pelabuhan Yang Dikawal Keselamatannya - Pelabuhan Pulau Christmas 2013*)
DAWE (2020): Pangkalan Data Usaha Sama Kawasan Perlindungan Australia
Geoscience Australia (2014): Sempadan Laut Australia (AMB) v3.0
Geoscience Australia (2011): Garis pantai - Pulau Christmas



Christmas Island
Marine Park





Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya mengenai Taman Laut Pulau Christmas dan Taman Laut Australia, lihat di:

parksaustralia.gov.au/marine

GAMBAR DISIARKAN DENGAN IHSAN (mengikut susunan paparannya):

Kulit: Flying Fish Cove, Mark Fitz; Batu karang, Udo Van Dongen; Feather star (krinoid) di luar pantai Pulau Christmas, Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar; Burung simpang CINP, Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar; Ikan lumba-lumba CINP, Shaun Tierney; Ikan yu paus sedang makan, Rob Hughes.



Australian Government
Parks Australia



Australian
Marine Parks

parksaustralia.gov.au/marine